

20 JAN 1998

ANWAR: PERTUMBUHAN KREDIT AKAN MENINGKAT 15 PERATUS KPD RM478.5 BLN 20 TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pertumbuhan kredit di negara ini akan meningkat sebanyak 15 peratus tahun ini kepada RM478.5 bilion dari RM420 bilion tahun lalu.

Bank-bank Malaysia kini berada di dalam kedudukan yang selesa katanya tetapi menambah bahawa kini tiba masanya bagi mereka diuruskan dengan lebih baik lagi selepas apa yang telah dialami kebelakangan ini.

Menegaskan keperluan bagi mereka dibersihkan, tambahnya: "Ada bank yang baik tetapi tidak diuruskan dengan sempurna."

Para pegawai bank hendaklah telus apabila memproses pinjaman, katanya ketika menyampaikan ucap utamanya yang memakan masa hampir sejam pada "Dialog Pembiayaan kepada Sektor-sektor Produktif" di sini hari ini.

Katanya bahawa beliau telah menghantar perutusan yang jelas kepada Bank Negara supaya mengawasi pengurusan bank-bank tempatan.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, juga memuji garis panduan terbaru mengenai pembiayaan margin di pasaran saham dan katanya ia bermaksud supaya pemberian pinjaman seumpamanya dibenarkan tetapi dihadkan kepada peratusan tertentu.

Anwar juga berkata isu keyakinan dan tanggapan adalah kukuh di tengah-tengah persekitaran politik negara.

"Seperti juga Thailand, Korea (Selatan) dan Indonesia...saya minta perhatian anda dan saya dapat menyatakan bahawa kita mungkin selangkah lebih maju kerana daripada segi politik, Malaysia adalah paling stabil di rantau ini," katanya.

Pastinya, tegas menteri itu bahawa terdapat percubaan atau kenyataan dan tuduhan palsu yang dilemparkan, tetapi Malaysia telah menerimanya secara matang.

Merujuk kepada dialog baru-baru ini bersama rakan-rakan sejawatan asingnya, Anwar berkata di samping menjelaskan dan berbincang kepada orang-orang yang penting itu, ia adalah juga cara "merayu kepada mereka supaya melihat hakikat dengan mata kepala mereka sendiri dan tidak semata-mata merujuk kepada laporan-laporan kerana (sesetengah) tanggapan kadangkala mungkin negatif."

"Jika anda kata jatuh, semua orang fikir ia akan jatuh dan ia pastinya akan jatuh dan begitu juga sebaliknya. Jadi kita perlu menanamkan keyakinan di kalangan rakyat kita sendiri dengan menanamkan pemikiran yang positif," katanya, sambil menambah bahawa satu atau dua pembetulan kecil (kepada pasaran saham) sepatutnya "baik" dan rakyat seharusnya menerimanya secara positif.

"Tentulah, ada perkara-perkara yang di luar kawalan seperti perkembangan serantau... tetapi kita mampu bertahan. Malahan, kita tidak terjejas, (kegawatan matawang) kali ini telah memberikan kita banyak keyakinan," katanya.

Anwar juga berkata terdapat banyak cadangan dikemukakan untuk melaksanakan beberapa program dan untuk dipertimbangkan oleh kementerian itu, sambil menambah bahawa kementeriannya akan sentiasa mencari cadangan-cadangan yang baik.

Menyebut contoh, Anwar berkata: "Kita mengambil serius pandangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), dan kebanyakan orang bertanya mengapa kita perlu berbincang dengan bank itu. Kenapa? Kerana ia (IMF) adalah pengawal bank-bank pusat."

Bagaimanapun, Anwar menjelaskan, "Kita berbincang dengan mereka kerana mereka mempunyai kepakaran. Tetapi pastinya kita bersetuju mengenai beberapa perkara, sesetengahnya pula kita tidak setuju kerana kita tidak meminjam daripada mereka atau menyerah diri untuk mendapatkan mana-mana pakej penyelamat."

Mengenai pertumbuhan kredit negara, Anwar berkata beliau menerima hakikat bahawa ia berkembang terlalu pesat seperti yang ditegaskan oleh pengarah urusan IMF Michel Camdessus.

"Ke arah tujuan ini, semasa Belanjawan baru-baru ini, saya membuat keputusan dasar yang amat penting bahawa kita perlu mengurangkan pertumbuhan kredit... tetapi dengan kata-kata lain, kredit akan meningkat tetapi kenaikan adalah pada kadar yang lebih perlahan," katanya.

Beliau menyebut bahawa pertumbuhan kredit berkurangan kepada 26.4 peratus dan pada akhir Disember tahun lalu dari 30 peratus sebelumnya.

Anwar juga berkata bahawa apa yang berlaku di negara-negara lain tidak serupa seperti yang dialami Malaysia dan ke arah matalamat itu, "kita tidak boleh mengguna pakai penyelesaian (IMF) yang serupa."

Menteri kewangan itu, yang berterima kasih kepada IMF dan Bank Dunia kerana bantuan mereka, berkata penyelesaian mereka tidak boleh diguna pakai kepada semua.

Beliau menggesa kedua-dua institusi itu supaya "tolong buat beberapa pengubahsuaian memandangkan masalah-masalah tidak serupa daripada segi persekitaran politik, matlamat sosial dan sensitiviti."

Anwar, sambil menegaskan bahawa keadaan perbankan negara terus mantap, telah menggesa mereka yang sukar mendapatkna pinjaman supaya merujuk masalah mereka kepada Unit Kewangan Pinjaman Bank Negara.

"Tidak seperti November dan Disember, kita tidak ada masalah kerana pinjaman kredit pada masa itu telahpun tinggi. Tetapi sekarang semuanya adalah agak baik... dan sekali lagi ini adalah masa untuk memberi pinjaman kepada sektor-sektor produktif kerana ekonomi kita berada dalam keadaan yang amat baik," katanya.

Anwar berkata, "Dengan dasar yang betul, keyakinan telah mulai muncul semula sejak dua minggu yang lalu.

"Para pengurus dana telah kembali. Beberapa bulan lalu kita telah merayu kepada mereka. Sekarang pengurus-pengurus dana utama di seluruh dunia dilihat di pasaran dan sesetengah perbadanan utama telahpun memindahkan ibu pejabat mereka ke negara ini... dan mereka melakukannya sekarang."

Anwar juga berkata bahawa beliau yakin lambat laun, masalah ekonomi negara akan pulih memandangkan peningkatan secara beransur-ansur telahpun terbukti.

"Saya tidak mahu meletakkan sasaran yang pasti... malahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertanyakan saya, mungkinkah ia selama tiga bulan, enam bulan atau dua tahun? Saya jawab bahawa enam bulan adalah masa yang wajar, enam adalah angka yang "ong" (bertuah) bukan lapan sebaliknya," katanya secara berseloroh.

Anwar, yang berucap di hadapan lebih daripada 200 usahawan, juga berkata, "Saya tidak pernah menjadi tokoh bank atau ahli ekonomi. Saya seorang budak kampung biasa Pulau Pinang tetapi saya tahu bahawa kita ikhlas di dalam hala tuju kita, kita jelas di dalam apa jua yang kita lakukan dan kita bersikap tegas." -- BERNAMA

AA OS